

TARIKH	22 JANUARI 2026 (KHAMIS)	SURATKHABAR	BH / UM / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	JAGA IMEJ ISLAM, MALAYSIA		
M/S	21 (LOKAL)	KATA KUNCI	MALAYSIAN, AS – NR, NUCLEAR
BIDANG	MANAGEMENT	SECURITY, FRANCE, ENGINEER	

Oleh Redzuan
Muharam
redzuan.muham-
ram@hmetro.com.my

NUR SHAHIDAH JURUTERA KESELAMATAN NUKLEAR DI PERANCIS

Jaga imej Islam, Malaysia

Kuala Lumpur

"Saya bangga dan terharu kerana menjadi satu-satunya rakyat Malaysia di sini.

"Tapi rasa takut dan gementar pun ada kerana bertanggungjawab menjaga nama baik negara dan agama di mata dunia."

Demikian kata Dr Nur Shahidah Abdul Rashid, 34, yang membuktikan status sebagai wanita Muslim dan ibu seorang cahaya mata bukan halangan untuk diterima bekerja sebagai jurutera keselamatan nuklear di Autorité de sûreté nucléaire et de radioprotection (ASNR) iaitu autoriti nuklear di Perancis.

Sebaliknya, kepakarannya dalam industri nuklear menjadikan Nur Shahidah satu-satunya anak Malaysia yang berkhidmat di agensi berkenaan sejak Oktober tahun lalu.


Pemegang Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Kejuruteraan Nuklear Lanjutan (Pengurusan Sisa Radioaktif), Universiti Pohang Sains dan Teknologi (POSTECH), Korea Selatan itu bersyukur dengan kepercayaan diberi kerana sedar bukan mudah mendapat peluang keemasan berkenaan.

Menurutnya, itu yang membuatkan dia tekad berhijrah ke Perancis selepas habis tempoh berpantang anak sulung demi menimba pengalaman dan menyahut cabaran bekerja di Perancis sejak Oktober lalu.

"Sebelum bekerja, saya pernah menetap hampir tujuh tahun di Korea Selatan kerana menyambung pengajian di sana dan lebih setahun di Vienna, Austria.



NUR Shahidah berkhidmat sebagai jurutera keselamatan nuklear di Perancis sejak Oktober 2025. - Gambar Ihsan Muhammad Abd Rahman



"Jadi tiada masalah untuk merantau-cuma bezanya di Perancis bukan belajar tapi bekerja.

"Penguat semangat saya adalah suami (Muhammad Abdul Rahman Ismail, 34) dan anak lelaki berumur lapan bulan yang tinggal bersama di Perancis kerana sepanjang sembilan tahun berkahwin, kami tinggal berjauhan dan baru sekarang duduk sebungung," katanya kepada Harian Metro.

Bercerita lanjut, skop kerjanya termasuk mengendalikan dan menyemak lesen bagi reaktor modular kecil (SMR) dan reaktor modular termaju (AMR), membuat analisis

dan simulasi pencemaran radionuklid serta bahan kimia toksik terhadap alam sekitar dan manusia menggunakan perisian yang dikenali sebagai SYMBIOSE.

Di samping itu, Nur Shahidah juga bertanggungjawab merangka pelan pengurusan terhadap alam sekitar dan manusia.

"Tak mudah untuk saya sebenarnya kerana tiada pengalaman bekerja dengan kerajaan Perancis, jadi perlu ambil masa selama satu hingga tiga bulan untuk biasakan diri dan perlu membaca banyak dokumen terjemahan daripada bahasa Perancis ke bahasa Inggeris.

"Cabaran lain adalah ko-

munikasi kerana perlu cepat menyesuaikan diri mengikut keadaan dan berbilang jika ada permasalahan kerana bekerja dalam satu pasukan.

"Ia kerana walaupun dipilih oleh ASNR, saya bukan hanya berkhidmat untuk kerajaan Perancis, tetapi semua negara terbabit dan kerap bermesyuarat supaya semua ahli memahami skop tugas masing-masing," katanya yang juga terbabit dengan projek sampingan iaitu pengendalian lesen pembinaan Cigéo iaitu Repositori Geologi Dalam untuk Sisa Radioaktif.

Nur Shahidah berkata, disebabkan usia dan pe-

nampilannya, ramai tidak menyangka dia memiliki PhD dan menjalin kerjasama dengan nama besar seperti Agensi Nuklear Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Institut Kajian Tenaga Atom Korea (KAERI) juga beberapa agensi lain.

Bagaimanapun, Nur Shahidah yakin tiada yang mustahil jika dengan izin dan kekuasaan Allah SWT, jadi bertawakal selain sabar menempuh setiap ujian-nya.

"Sebagai isteri dan wanita Muslim, saya cuba yang terbaik dan semat di fikiran untuk jaga nama baik Malaysia dan imej Islam di mata dunia.

"Dalam kerjaya pula, saya berusaha membuktikan kebaikan teknologi dan tenaga nuklear di mata dunia selain menyangkal mitos dan cerita rekaan mengenainya (nuklear).

"Jauh lagi perjalanan saya namun baru-baru ini, saya tercalon dalam senarai simpanan Pegawai Pelindung di Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA). Jika diberi peluang, sudah tentu saya amat berbesar hati untuk kembali mencurahkan bakti di tanah air," katanya yang juga pemegang Sarjana Muda Sains Nuklear lulusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).